

23/02/1998

Dunia mengharap kejayaan Annan

DUNIA menunggu hasil keputusan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan dengan pemimpin Iraq dengan perasaan berdebar terutama ketika Amerika Syarikat mula memberi amaran demi amaran terakhir. Walaupun amaran keras Amerika untuk melancarkan serangan udara ke atas Iraq diberikan hingga ke saat akhir, Iraq nampaknya tidak berganjak dengan keputusannya tidak membenarkan lapan kawasan istana presiden disiasat kerana disyaki menyimpan senjata biologi dan kimia. Ia begitu mencemaskan dunia. Apa yang berlaku sekarang mungkin menggambarkan sikap degil Presiden Saddam Hussein tetapi pada masa yang sama kita juga perlu menghormati prinsipnya. Iraq mungkin mempersoalkan adakah mereka sanggup membenarkan maruah rakyat dan negaranya diceroboh oleh kuasa asing. Kita menyedari sikap degil Iraq boleh membawa kepada kehancuran. Tetapi, kita juga perlu melihat konteks pengorbanan rakyat Iraq yang tidak takut mati. Mereka seolah-olah menunggu kedatangan maut dengan rela hati. Apakah Saddam tidak memikirkan harta dan nyawa rakyat Iraq yang terancam? Dalam keadaan genting sebegini, rakyat sepatutnya bangkit membantah sikap degil Saddam tetapi daripada apa yang dipaparkan kepada kita, rakyat seolah-olah rela menjadi korban.

Saddam dan rakyat Iraq mungkin memikirkan satu pengorbanan yang lebih besar. Andaiian kita, biarlah mereka terkorban asalkan dunia melihat satu sejarah keganasan manusia dilakukan ke atas rakyat Iraq. Kepada negara Islam, Saddam mungkin mahu menyedarkan mereka kegagalan bersatu, menghancurkan Islam dari dunia ini.

Kita juga mempersoalkan apakah kerajaan Saddam mahu melihat rakyatnya 'mati katak' tanpa mahu bertindak balas. Apakah maruah mereka jika tidak sanggup melawan. Senario ini seolah-olah menunjukkan ada rahsia di sebalik keberanian Iraq membantah arahan PBB dan amaran keras Amerika. Yang pasti Iraq sudahpun belajar daripada pengalaman Perang Teluk 1991. Adakah kemungkinan kali ini mereka akan membuat kejutan terhadap Amerika. Ini juga bukanlah sesuatu yang mustahil. Segala-galanya tidak dapat kita pastikan melainkan selepas segala usaha diplomatik terus buntu.

Walau apapun andaiannya, kita berharap Amerika tidak melakukan tindakan yang boleh memburukkan keadaan, meneruskan permusuhan terhadap negara Islam. Kehancuran Iraq akan menebalkan permusuhan dan memudahkan teretusnya perbalahan baru jika membabitkan isu dan negara Islam. Yang pasti, tidak semua negara bersetuju dengan tindakan Amerika membedil Iraq. Iraq juga mempunyai sekutunya yang akan memberi bantuan. Semua ini boleh mensabitkan satu peperangan yang lebih besar akan berlaku.

Oleh itu, kita mengharapkan kejujuran dan kesungguhan Annan yang kini berada di Baghdad menyelesaikan kebuntuan kerana kegagalan hanya akan membawa padah. Setakat ini kita berasa lega kerana sekurang-kurangnya pemimpin Iraq tidak menolak berunding dengan Annan. Ini bermakna mereka masih mahu mencari jalan penyelesaian. Menerima Annan sudah dianggap satu kejayaan, apatah lagi berbincang untuk menyelesaikan masalah. Amerika seharusnya melihat perkembangan itu sebagai satu hasil yang positif meskipun hasil rundingan tidak sebagaimana diharapkan. Amerika seharusnya menerima hakikat bahawa mereka juga perlu mendengar alasan Iraq. Iraq tentunya mempunyai alasan melarang istana Presiden disiasat. Adakah ia disebabkan mereka meragui kejujuran anggota yang dikerah melakukan siasatan itu?. Jika ini alasannya, PBB seharusnya melihat semula komposisi anggota yang diarah melakukan siasatan itu. Mereka perlu mencari anggota

penyiasat baru yang boleh diterima Iraq. Dalam konteks ini kita bersetuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika pemeriksaan dalam istana hendak dilakukan, sepatutnya ia dilakukan oleh badan yang bebas dan bukan daripada orang yang menyatakan mereka bermusuhan dengan Iraq. Iraq juga tentunya mempunyai rahsia lain dalam istana itu. Seandainya benar Saddam sudah memusnahkan semua senjata berbahaya, tidak ada sebab dia melarang pemeriksaan dijalankan. Tetapi, untuk mendapatkan kepastian kenyataannya itu benar, siapakah yang harus dibenarkan menjalankan penyiasatan. Apa yang mungkin dibimbangi Iraq, musuhnya akan mengetahui rahsia lain dalam istana itu. Mereka mungkin menemui atau tidak senjata yang dimaksudkan tetapi yang pasti mereka akan menemui rahsia lain. Tentunya Saddam tidak akan membenarkan keadaan itu berlaku kerana ia akan memudahkan musuh merangka strategi untuk menghancurkan Iraq pada masa akan datang.

(END)